

Tengku Zafrul kini, Pengarah Bukan Eksekutif baharu Cagamas

KUALA LUMPUR – Cagamas Holdings Bhd. mengumumkan pelantikan Tengku Datuk Zafrul Tengku Abdul Aziz sebagai Pengarah Bukan Eksekutif yang baharu.



ZAFRUL

Tengku Zafrul, memegang jawatan itu pada 10 Februari lalu, menggantikan Datuk Charon Wardini Mokhzani, yang telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Khazanah Nasional Bhd.

Tengku Zafrul yang memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dan Perakaunan dari University of Bristol, juga merupakan Presiden Kelab Perniagaan Kuala Lumpur, serta Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Jawatan beliau sebelum ini termasuk Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Investment Bank Bhd, Pengarah Kumpulan Kenanga Holdings Bhd., CEO Tune Money Sdn. Bhd, Ketua Perbankan Pelaburan Citigroup Malaysia dan Pengurus Kanan CIMB Investment Bank. – Bernama.